

# Pusat sokong GRS terajui Sabah

PM sentiasa berkomunikasi dengan pemimpin, tangani masalah

Oleh Izwan Abdullah  
bhnews@bh.com.my

**Kota Kinabalu:** Kerajaan Pusat memberikan sokongan sepenuhnya kepada Gabungan Rakyat Sabah (GRS) yang menerajui kerajaan negeri selepas memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah, September lalu, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, walaupun baru ada kesempatan melawat Sabah sekarang, beliau sentiasa memberi perhatian terhadap negeri ini dan berkomunikasi dengan pemimpinnya bagi menangani masalah yang timbul.

“Sokongan Kerajaan Pusat kepada GRS adalah 110 peratus. Dari awal lagi, saya sudah berkomunikasi dengan Ketua Menteri kerana ketika itu berdepan masalah rentas negeri, tidak boleh datang ke sini kerana COVID-19.

“Hubungan secara peribadi saya jalinkan supaya apa yang dikehendaki rakyat Sabah, dapat kita bantu dan percepatkan.

“Seingat saya, Ketua Menteri tidak pernah meminta wang tetapi kita tak tunggu dan tahu apa masalah di sini untuk ambil langkah segera bagi mengatasi masalah dengan sebaik-baiknya,” katanya ketika berucap pada Majlis Makan Malam bersama pemimpin GRS, di sini, malam tadi.

Yang turut hadir, Ketua Menteri Sabah, Datuk Hajiji Noor; Timbalan Ketua Menteri yang juga Ketua UMNO Sabah, Datuk Seri Bung Moktar Radin, dan Timbalan Ketua Menteri yang juga Presiden Parti Solidariti Tanah Airku (STAR), Datuk Dr Jeffrey Kitingan.

Muhyiddin tiba untuk lawatan pertama selama dua hari ke Sabah, petang semalam, selepas GRS mengambil alih pemerintahan negeri pada September lalu.

Perdana Menteri berkata, hubungan baik antara Kerajaan Pusat dengan negeri yang sudah terjalin, bukan setakat diteruskan malah diperkukuh lagi menerusi



Muhyiddin melihat gambar yang dihadiahkan Hajiji pada Majlis Makan Malam GRS di Kota Kinabalu malam tadi. (Foto BERNAMA)

pelbagai program yang dirancang untuk pembangunan Sabah.

“Esok (hari ini), kita akan mendengar taklimat mengenai program pembangunan Sabah yang dilaksanakan kerajaan negeri.

“Kita sedar akibat COVID-19, ekonomi kita menguncup dan memberi kesan terhadap rakyat kita. Berdasarkan apa yang saya lihat di lapangan, begitu ramai rakyat yang terkesan.

“Di Sabah juga tidak terkecuali, namun kita melihat ke hadapan untuk bagaimana menguruskan kemiskinan yang berlaku. Pemberian dalam pakej ekonomi yang kita wujudkan adalah untuk membantu rakyat,” katanya.

Beliau berkata, keadaan ekonomi negara dijangka bertambah baik, tahun ini, berikutan situasi COVID-19 yang semakin baik dapat membantu merancakkan semula pertumbuhan ekonomi.

Sementara itu, beliau menyifatkan majlis malam tadi sebagai bersejarah dan penting kerana dihadiri seluruh pemimpin GRS yang bersetuju bergabung bagi membentuk kerajaan negeri yang baharu selepas PRN lalu.

“Hari ini (semalam), semua hadir untuk tunjuk semangat kesatuan dan perpaduan serta kerjasama yang terjalin sehingga dapat membentuk kerajaan negeri kini,” katanya.